

Headline	Proaspirasi kuasai lima IPTA		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Sep 2012	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	180 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 3,590	PR Value	RM 10,770



# Proaspirasi kuasai lima IPTA

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**

pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 20 Sept. - Kumpulan proaspirasi menguasai lima kampus institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pada pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2012/2013 hari ini.

Institusi tersebut ialah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Dalam keputusan itu, kumpulan proaspirasi menang mudah di UTHM selepas memenangi 26 daripada 27 kerusi yang dipertandingkan.

Selain itu, seramai 22 calon daripada 36 kerusi menang tanpa ber-

tanding pada pemilihan MPP UUM selepas proses penamaan calon selesai dijalankan di universiti tersebut dan dipercayai calon-calon tersebut daripada kumpulan proaspirasi.

Bagi pemilihan MPP UniMAP pula, seramai 17 calon wanita memenangi 31 kerusi yang dipertandingkan manakala 13 lagi calon lelaki.

Satu lagi kerusi Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik masih kosong dan akan dilantik oleh dekan fakulti itu kemudian.

Sementara itu, pada pemilihan MPP UTeM, tujuh dari 12 calon memenangi kerusi umum manakala 12 daripada 19 kerusi fakulti yang dipertaruhkan menang tanpa bertanding.

Pemilihan MPP diadakan dari 20 hingga 25 September ini melibatkan 20 kampus IPTA di seluruh negara membabitkan pertandingan antara kumpulan proaspirasi dan promahasiswa.

Dalam pada itu, calon proaspirasi terus menguasai kesemua 226 kerusi pada pemilihan MPP UiTM selepas hanya calon kumpulan itu yang bertanding pada sesi ini.

Difahamkan, barisan promaha-

siswa tidak pernah bertanding dalam pemilihan MPP di universiti itu menyebabkan barisan proaspirasi hanya bertanding sesama sendiri tanpa perlu menghadapi saingan sengit daripada pihak lawan.

Jumlah kerusi yang dimenangi tersebut merangkumi kampus induk di Shah Alam dan kampus cawangan di seluruh negara pada pemilihan yang diadakan serentak hari ini.

Jumlah peratusan yang keluar mengundi melalui sistem online atau e-voting adalah sebanyak 77.75 peratus daripada 198,000 pelajar di semua kampus UiTM.

